Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)

Dasar Keselamatan ICT

Versi: 1.2

KANDUNGAN

TAKRIF ..... **II**

1. SEJARAH DOKUMEN **4**

1.1 **JADUAL PINDAAN DOKUMEN** **5**

2. BAHAGIAN I - PENGENALAN **7**

2.1 OBJEKTIF 7
2.2 SKOP 8
2.3 PRINSIP YANG PERLU DIIKUTI 9
2.4 PELANGGARAN DAN HUKUMAN 12
2.5 SEMAKAN DAN PENYELENGGARAAN DOKUMEN 13
2.6 RUJUKAN 13

3. BAHAGIAN II - DASAR **14**

01: PENGUATKUASAAN DAN PENYELENGGARAAN DASAR 14
02: ORGANISASI KESELAMATAN MAKLUMAT 15
03: PENGURUSAN ASET 21
04: KESELAMATAN SUMBER MANUSIA 23
05: KESELAMATAN FIZIKAL DAN PERSEKITARAN 26
06: PENGURUSAN KOMUNIKASI DAN OPERASI 30
07: KAWALAN CAPAIAN 37
08: PEROLEHAN, PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN SISTEM MAKLUMAT 43
09: PENGURUSAN PENGENDALIAN INSIDEN KESELAMATAN 47
10: PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN 49
11: PEMATUHAN 52
APPENDIK 58
APPENDIK A: SURAT AKAUN PEMATUHAN DASAR KESELAMATAN ICT MOA 59
APPENDIK B: MEDIA SANITISATION GUIDELINE 60
APPENDIK C: RINGKASAN PROSES KERJA PELAPORAN INSIDEN KESELAMATAN ICT AGENSI 73

TAKRIF

Aset ICT	Sebarang objek ICT yang mempunyai nilai kepada organisasi.
Backup	Salinan fail atau program yang dijanakan untuk memudahkan proses pemulihan dijalankan.
Business Impact Analysis	Analisa berkaitan keperluan sistem ICT, proses dan hubungankait antara keduanya yang digunakan untuk menyediakan sistem kontigensi dan keutamaan yang perlu diberikan semasa bencana.
Change Management	Proses yang memastikan semua perubahan ke atas infrastruktur ICT ditaksirkan, ditentusahkan, dilaksanakan dan dikaji semula dalam keadaan terkawal untuk memastikan gangguan tidak berlaku.
Dasar	Pernyataan peringkat tinggi mengenai prinsip, matlamat dan objektif termasuk juga cara-cara untuk mencapainya bagi subjek yang spesifik.
Emel	Mesej yang dihantar secara elektronik.
Impak	Hasil atau lanjutan dari sesuatu kejadian.
Integriti	Keadaan di mana maklumat tersimpan mengikut cara yang dibenarkan dan tiada perubahan dilakukan yang menjadikan maklumat itu berlainan dari asal.
Kawalan	Langkah-langkah penjagaan yang mana bila ia dilakukan dengan betul, akan mengurangkan risiko kemusnahan terhadap aset.
Kerahsiaan	Keadaan di mana maklumat sensitif dikawal dan diberikan kepada pengguna yang sah sahaja.

Keselamatan Fizikal	Prosedur kawalan yang wujud untuk menghalang penceroboh dari memasuki sistem atau prasarana.
Ketersediaan	Keadaan di mana maklumat atau proses sentiasa boleh dicapai dan digunakan oleh pihak yang dibenarkan.
Pengasingan Tugas	Pengasingan tugas dan tanggungjawab supaya tiada individu boleh mengsabotaj sistem kritikal yang dikendalikannya.
Pengguna ICT	Kakitangan MOA (Tetap, sementara, kontrak) atau pihak ketiga (perunding, kontraktor, pembekal dan pembekal perkhidmatan) yang diberikan hak capaian kepada aset ICT MOA.
Pihak Ketiga	Individu yang selain dari kakitangan MOA seperti perunding, pembekal, kontraktor, pembekal perkhidmatan dan sebagainya. Kakitangan dari Agensi Kerajaan selain dari MOA juga diklasifikasikan sebagai pihak ketiga.
Risiko	Kemungkinan untuk sesuatu terjadi yang boleh memberikan impak kepada objektifnya.
Secure Areas	Kawasan di mana MOA menempatkan aset ICT yang sensitif dan kritikal seperti Pusat Data atau bilik pejabat yang mengandungi maklumat yang sulit.
Shred	Cara-cara untuk ‘membersihkan’ media, dengan cara merincih atau menghancurkannya kepada bahagian yang kecil.
Virus	Kod yang ditulis dengan niat jahat untuk memusnah cara komputer bekerja tanpa kebenaran pengguna.
Vulnerability	Kelemahan dari segi prosedur, senibina, implementasi dan kawalan dalaman yang boleh dieksploitasi hingga mengakibatkan pelanggaran aspek keselamatan atau dasar keselamatan.

1. SEJARAH DOKUMEN

Versi	Penulis	Tarikh Ubah	Kelulusan	Tarikh Kuatkuasa
1.0	SCAN	30/11/2009	Mesyuarat JPICT 2/2010	21 April 2010
1.1	ICTSO	24/8/2011	Mesyuarat JPICT 1/2012	20 Januari 2012
1.2	ICTSO	10 Nov 2012	Mesyuarat JPICT 1/2013	18 Feb 2013

JADUAL PINDAAN DOKUMEN

TARIKH	VERSI	BUTIRAN PINDAAN
10 November 2012	1.2	Memasukkan Perkara 40201 : Tanggungjawab Pengurusan, m/s 24.
		Memasukkan Perkara 50105 : Kawalan Persekitaran, m/s 26.
		Memasukkan Perkara 50107 : Kawasan Akses Awam, Penghantaran dan Pemunggahan, m/s 27
		Memasukkan Perkara 50205 : Keselamatan Peralatan di Luar Premis, m/s 28
		Memasukkan Perkara 60402 : Perlindungan dari *Mobile Code*, m/s 32
		Memasukkan Perkara 60703 : Prosedur Pengendalian Maklumat, m/s 33
		Memasukkan Perkara 60704 : Keselamatan Dokumentasi Sistem, m/s 34
		Memasukkan Perkara 60801 : Polisi dan Prosedur Pertukaran Maklumat, m/s 34
		Memasukkan Perkara 60902 : Maklumat Umum, m/s 35
		Memasukkan Perkara 70101 : Dasar Kawalan Capaian, m/s 37
		Memasukkan Perkara 70303 : Pengenalan Peralatan Dalam Rangkaian, m/s 39
		Memasukkan Perkara 70602 : Kerja Jarak Jauh *(Teleworking)*, m/s 42
		Memasukkan Sub Bidang : Audit Sistem

		Maklumat beserta Objektif, m/s 57
		Memasukkan Perkara 110301 : Pematuhan Keperluan Audit, m/s 57

2. BAHAGIAN I - PENGENALAN

Kakitangan di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) mempunyai tanggungjawab bersama untuk melindungi Aset ICT dan dalam masa yang sama mengawal maklumat dan hak intelek yang dipunyai oleh MOA. Segala aset yang kritikal perlulah dikawal untuk mengurangkan sebarang impak yang boleh mengganggu perkhidmatan di MOA. Kawalan keselamatan ICT di MOA merupakan fungsi kritikal yang perlu diterapkan ke dalam semua operasi dan perkhidmatan MOA.

Dokumen Dasar Keselamatan ICT menghuraikan pendekatan kementerian ke atas keselamatan ICT dan ia menjadi penanda aras komitmen dari pihak pengurusan. Dokumen ini akan menjadi dokumen rujukan utama yang menjurus kepada pembinaan dokumen yang berkaitan dengannya (garis panduan, prosedur dan sebagainya).

2.1 OBJEKTIF

Dokumen ini menyediakan penyataan Dasar Keselamatan ICT yang perlu dipatuhi oleh kakitangan MOA. Ia bertujuan untuk:

a. Memberi kesedaran kepada kakitangan tentang risiko keselamatan ICT dan cara-cara mengendalikannya;

b. Menerangkan peranan dan tanggungjawab kakitangan terhadap aset ICT; dan

c. Memastikan kerahsiaan, integriti dan ketersediaan ke atas aset ICT.

2.2 SKOP

2.2.1 Apakah bentuk maklumat yang terikat dengan dasar ini?

Dokumen ini tergunapakai pada segala:

a. Jenis maklumat itu diwakili (tulisan, ucapan, elektronik dan segala bentuk yang ada);

b. Teknologi yang digunakan untuk mengendalikan maklumat tersebut (kabinet fail, mesin faks, computer);

c. Lokasi maklumat (di dalam pejabat, lokasi pelanggan, di dalam kapalterbang); dan

d. Kitarhayat maklumat (asal-usul maklumat, kemasukannya, pemprosesaan, pembahagian, penyimpanan dan pelupusan).

2.2.2 Siapakah yang perlu mematuhi dasar ini?

Dasar ini tergunapakai oleh keseluruhan pengguna aset ICT di MOA. Tiada pengecualian diberikan kepada sesiapapun. Kakitangan MOA yang bertaraf tetap, sementara atau kontrak adalah terikat dengan dasar ini. Dasar ini turut terpakai kepada kakitangan yang bekerja secara jauh *(remote)*. Dokumen ini juga perlu dibaca bersama-sama dengan arahan/pekeliling dari pihak berkuasa dari masa ke masa.

Dalam keadaan-keadaan tertentu yang seperti dihuraikan pada mana-mana penyataan dasar, pihak ketiga perlu menghormati segala penyataan yang terdapat di dalam dasar yang sedia ada.

Dokumen dasar ini tergunapakai oleh:

a. Kakitangan MOA, tetap, sementara atau kontrak; dan

b. Pihak ketiga seperti perunding, kontraktor, pembekal perkhidmatan, pembekal dan agensi lain yang bertukar maklumat dengan MOA.

Tindakan akan diambil mengikut lunas undang-undang untuk memastikan dasar ini diikut dan dihormati.

2.3 PRINSIP YANG PERLU DIIKUTI

Berikut merupakan prinsip-prinsip asas yang perlu diikuti:

a. Capaian atas dasar "perlu tahu"

Capaian penggunaan kepada aset ICT perlulah diberi atas kegunaan yang spesifik dan terhad kepada pengguna yang relevan sahaja. Ia bermaksud capaian hanya boleh diberi mengikut keperluan peranan dan fungsi kerja mereka sahaja.

b. Capaian yang minimum

Capaian pengguna perlulah diberi pada tahap yang minimum sahaja. Kebenaran diperlukan sebelum hak untuk mencipta, menyimpan, mengemaskini, mengubah dan memusnahkan maklumat boleh diberi. Hak capaian perlulah dikaji kembali dari masa ke masa berdasarkan tanggungjawab kerja kakitangan.

c. Accountability

Semua kakitangan adalah bertanggungjawab atas segala tindakan mereka kepada aset ICT di MOA.

d. Pembahagian Tugas

Tugas untuk mencipta, memusnah, mengemaskini, mengubah dan menentusahkan data perlulah diasingkan untuk menghalang dari capaian yang tidak sah dan mengawal aset ICT dari sebarang ralat, , kebocoran atau manipulasi maklumat.

e. Audit

Audit adalah tugas mengenalpasti insiden-insiden yang boleh mengancam keselamatan. Ini termasuklah mengendalikan segala rekod yang berkaitan dengan ukuran keselamatan. Dari itu, segala aset ICT perlu dipastikan boleh menghasil dan menyimpan log keselamatan dan jejak audit.

f. Pematuhan

Dasar Keselamatan ICT MOA perlulah dibaca, difahami dan dipatuhi untuk menghindarkan sebarang pelanggaran arahan yang boleh mengancam keselamatan ICT.

g. Pemulihan

Pemulihan sistem adalah penting untuk memastikan kesediaan dan kebolehcapaian pada setiap masa. Objektif utamanya adalah untuk meminimumkan kerosakan atau kerugian akibat dari ketiadaan perkhidmatan. Pemulihan boleh dihasilkan melalui salinan *(backup)* dan menyediakan pelan pemulihan bencana *(Disaster Recovery Plan)*.

h. Saling Bergantung

Semua prinsip-prinsip di atas adalah saling berkait dan saling melengkapi antara satu sama lain. Tugas untuk mengasingkan cara kerja dengan

menyusun dan mereka bentuk mekanisma keselamatan adalah penting untuk memastikan kawalan keselamatan yang maksimum.

2.4 PELANGGARAN DAN HUKUMAN

2.4.1 Pelanggaran

Sebarang pelanggaran dasar perlulah dilaporkan pada Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM). Insiden perlulah disiasat oleh BPM, dengan kerjasama penyelia kakitangan terbabit dan pihak berkuasa yang berkaitan.

2.4.2 Tindakan Disiplin

Pelanggaran dasar secara sengaja akan menyebabkan:

a. Kehilangan hak capaian ke atas sumber maklumat;

b. Penilaian prestasi kerja yang buruk;

c. Dikenakan tindakan tatatertib;

d. Digantung kerja atau ditamatkan perkhidmatan;

e. Ditamatkan kontrak;

f. Dikenakan tindakan undang-undang.

2.5 SEMAKAN DAN PENYELENGGARAAN DOKUMEN

ICT Security Officer (ICTSO) [1] merupakan pemunya dokumen ini. Dia bertanggungjawab untuk menyemak dan menyelenggarakan dasar ini.

2.6 RUJUKAN

a. Information Security – Security techniques – Code of practice for information security management (ISO/IEC 17799 : 2005)

b. Information technology – Security techniques – Information security management systems – Requirements (ISO/IEC 27001:2005)

c. *Akta Arkib Negara 2003*

d. *Arahan Keselamatan*

e. *Arahan Teknologi Maklumat 2007 – MAMPU*

f. Guidelines for Media Sanitisation : The NIST Handbook (Special Publication 800-88)", United States : National Institute of Standards and Technology, 2006

g. Malaysian Public Sector Management Of ICT Security Handbook (MyMIS)

h. *Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2001 - Mekanisme Pelaporan Insiden Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi*

i. *Surat Pekeliling Am Bil. 4 Tahun 2006 : Pengurusan Pengendalian Insiden Keselamatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Sektor Awam*

[1] Senarai Tugas ICTSO

3. BAHAGIAN II – DASAR

01: PENGUATKUASAAN DAN PENYELENGGARAAN DASAR

Dasar Keselematan ICT		
Objektif	Menerangkan hala tuju dan sokongan pengurusan terhadap keselamatan maklumat selaras dengan keperluan MOA dan perundangan yang berkaitan.	
010101	**Penguatkuasaan Dasar**	
	Pelaksanaan dasar ini akan dijalankan oleh Ketua Setiausaha MOA dan dibantu oleh CIO, ICTSO & semua Setiausaha / Pengarah Bahagian.	KSU
010102	**Sebaran Dasar**	
	Dasar ini perlu difahami oleh pengguna ICT di MOA. Semua kakitangan di MOA perlu menandatangani borang Akuan Pematuhan Dasar Keselamatan ICT sebelum mencapai sebarang aset ICT di MOA. Sila rujuk pada Appendik A: Akuan Pematuhan Dasar Keselamatan ICT.	Semua
010103	**Penyelenggaraan Dasar**	
	Dasar ini perlu disemak setahun sekali dan dikemaskini berdasarkan perubahan yang diterima dari laporan penilaian risiko, insiden keselamatan, ancaman terkini dan juga perubahan ke atas infrastruktur di MOA. Semakan ini perlu disertakan sekali hasil penilaian terhadap keberkesanan dasar berdasarkan:	ICTSO

Dasar Keselematan ICT		
Objektif	Menerangkan hala tuju dan sokongan pengurusan terhadap keselamatan maklumat selaras dengan keperluan MOA dan perundangan yang berkaitan.	
	a. Persekitaran dan jumlah impak yang direkodkan dari semua insiden keselamatan; b. Kos dan impak terhadap kawalan *(control)* yang berhubungkait dengan kecekapan bisnes; c. Kesan terhadap perubahan teknologi. Proses semakan dasar perlu meliputi: a. Mengenalpasti keperluan terhadap sebarang perubahan; b. Menghantar pelan perubahan bertulis kepada pihak pengurusan untuk proses semakan; c. Memberitahu akan perubahan yang dipersetujui kepada semua pengguna.	

02: ORGANISASI KESELAMATAN MAKLUMAT

Organisasi Dalaman		
Objektif	Menyatakan tugas dan tanggungjawab untuk semua individu di dalam pengurusan keselamatan ICT di dalam organisasi	
020101	**Ketua Setiausaha MOA**	
	Ketua Setiausaha MOA adalah berperanan dan bertanggungjawab dalam perkara-perkara seperti berikut: (a) Memastikan semua pengguna memahami peruntukan-peruntukan di bawah Dasar Keselamatan ICT MOA; (b) Memastikan semua pengguna mematuhi Dasar Keselamatan ICT MOA; (c) Memastikan semua keperluan organisasi (sumber	KSU

	kewangan, sumber manusia dan perlindungan keselamatan) adalah mencukupi; (d) Memastikan penilaian risiko dan program keselamatan ICT dilaksanakan seperti yang ditetapkan di dalam Dasar Keselamatan ICT MOA;	
020102	***Chief Information Officer (CIO)***	
	Chief Information Officer (CIO) bertanggungjawab: a. Menyediakan sumber untuk melaksanakan kawalan keselamatan ICT; b. Memantau keseluruhan prestasi dan kecekapan perkhidmatan keselamatan ICT; c. Mempersetujui dan menyokong semua inisiatif keselamatan; dan d. Menyemak dan mempersetujui Dasar Keselamatan ICT MOA.	CIO
020103	**Pengurus ICT**	
	Pengurus ICT MOA ialah Setiausaha Bahagian Bahagian Pengurusan Maklumat. Peranan dan tanggungjawab Pengurus ICT adalah seperti berikut: a. Mengkaji semula dan melaksanakan kawalan keselamatan ICT selaras dengan keperluan MOA; b. Menentukan kawalan akses pengguna terhadap aset ICT MOA; c. Melaporkan sebarang perkara atau penemuan mengenai keselamatan ICT kepada ICTSO; dan d. Menyimpan rekod, bahan bukti dan laporan terkini mengenai ancaman keselamatan ICT MOA.	Pengurus ICT

020104	ICT Security Officer (ICTSO)	
	ICTSO[2] bertanggungjawab untuk: a. Mengurus dan memantau keseluruhan program keselamatan ICT di MOA; b. Melaksanakan Dasar Keselamatan ICT; c. Memastikan kesemua pengguna ICT memahami dan mematuhi Dasar Keselamatan ICT dengan efektif melalui program kesedaran keselamatan di dalam organisasi; d. Membantu di dalam pembinaan garis panduan dan prosedur yang selari dengan Dasar Keselamatan ICT; e. Memastikan *Secure Areas* diberi perhatian penuh dan tindakan pantas perlu diambil dalam mengendalikannya. f. Menyediakan amaran awal tentang ancaman keselamatan ICT yang boleh membahayakan aset ICT MOA seperti ancaman virus yang terkini; g. Bekerjasama dengan pihak-pihak tertentu dalam menentukan masalah akar umbi berkaitan dengan insiden keselamatan, juga ancamannya serta cara untuk menyelamatkannya secepat mungkin; h. Melaporkan sebarang insiden keselamatan ICT kepada *Government Computer Emergency Response Team* (GCERT) dan memaklumkan kepada CIO; i. Menyediakan dokumen infrastruktur keselamatan ICT untuk kegunaan audit keselamatan; dan j. Menjalankan penilaian risiko *(risk assessment)*.	ICTSO

[2] *Senarai Tugas ICTSO*

020105	Jawatankuasa Keselamatan ICT	
	Jawatankuasa Keselamatan ICT (JKICT) adalah jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam keselamatan ICT dan berperanan sebagai penasihat dan pemangkin dalam merumuskan rancangan dan strategi keselamatan ICT MOA. Di MOA, Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) juga berperanan sebagai JKICT MOA. Keanggotaan JKICT MOA adalah seperti berikut: **Pengerusi :** CIO Kementerian **Ahli :** (1) CIO Jabatan / Agensi (2) Pengurus ICT Jabatan / Agensi (3) Semua Setiausaha / Pengarah Bahagian (4) ICTSO **Urus Setia** bagi JKICT MOA ialah urus setia yang mengendalikan JPICT. **Bidang kuasa:** (a) Memperakukan/meluluskan dokumen DKICT MOA; (b) Memantau tahap pematuhan keselamatan ICT; (c) Memperaku garis panduan, prosedur dan tatacara untuk aplikasi-aplikasi khusus dalam MOA yang mematuhi keperluan DKICT MOA; (d) Menilai teknologi yang bersesuaian dan mencadangkan penyelesaian terhadap keperluan keselamatan ICT; (e) Memastikan DKICT MOA selaras dengan dasar-dasar ICT kerajaan semasa; (f) Menerima laporan dan membincangkan hal-hal keselamatan ICT semasa; (g) Membincang tindakan yang melibatkan pelanggaran DKICT MOA; dan (h) Membuat keputusan mengenai tindakan yang perlu diambil mengenai sebarang insiden.	Jawatankuasa Keselamatan ICT

020106	***Bahagian Pengurusan Maklumat* (BPM)**	
	BPM bertanggungjawab untuk: a. Memastikan keselamatan semua konfigurasi bagi aset ICT; b. Mengambil tindakan yang pantas bila dimaklumkan mengenai: i. Pengguna ICT MOA yang ingin mengambil cuti panjang, dipindahkan kepada unit lain atau ditamatkan perkhidmatannya ii. Pihak ketiga yang telah menyelesaikan projek mereka atau ditamatkan perkhidmatannya oleh MOA. c. Memantau aktiviti capaian pengguna; d. Memastikan aktiviti luar biasa seperti pengubahan data yang tidak diluluskan dan melaporkan kepada ICTSO secepat mungkin untuk tindakan lanjut; e. Menghantar laporan capaian pengguna kepada pemilik maklumat dalam tempoh yang ditetapkan; dan f. Menyimpan dan menganalisa rekod audit.	BPM
020107	**Pengguna ICT**	
	Pengguna aset ICT bertanggungjawab untuk: a. Memahami implikasi keselamatan ICT atas tindakan mereka; b. Membaca, memahami dan mematuhi dasar keselamatan ICT dan mengawal aset ICT MOA; dan c. Melaporkan sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan keselamatan ICT kepada BPM secepat mungkin.	Semua

Pihak Luaran		
Objektif	Untuk menjamin keselamatan maklumat MOA dan aset ICT yang dicapai, diproses dan disampaikan kepada atau diselenggarakan oleh pihak luaran.	
020201	**Pengenalpastian risiko berkaitan pihak luaran**	
	Bila wujud sebarang keperluan untuk pihak luaran mencapai aset atau maklumat ICT MOA, penilaian risiko perlu dilaksanakan terhadap mereka.	BPM
020203	**Menyertakan elemen keselamatan dalam Perjanjian dengan Pihak Ketiga**	
	Keperluan keselamatan ICT mestilah diambil kira dengan menyeluruh di dalam perjanjian dengan Pihak Ketiga sebelum mereka dibenarkan mencapai aset ICT MOA. Berikut adalah butiran yang perlu ada di dalam perjanjian tersebut: a. Dasar Keselamatan ICT MOA (bahagian yang tertentu sahaja); b. Tapisan Keselamatan; c. *Official Secrets Act 1972;*	BPM

03: PENGURUSAN ASET

Tanggungjawab Kepada Aset		
Objektif	Untuk mencapai dan memelihara perlindungan kepada aset ICT MOA.	
030101	**Inventori untuk aset ICT**	
	Inventori bagi aset ICT perlu diwujudkan. Setiap aset perlu direkodkan dan ditentukan pemiliknya. Ia juga perlu diberikan klasifikasi keselamatan yang dipersetujui dan didokumenkan.	Pemunya aset
030102	**Penggunaan aset ICT yang dibenarkan**	
	Semua pengguna mesti mengikut Dasar Penggunaan Yang Dibenarkan bagi mengendalikan aset.	Semua
Klasifikasi dan Pengendalian Maklumat		
Objektif	Untuk memastikan maklumat yang diterima dilindungi secara berpatutan.	
030201	**Klasifikasi Maklumat**	
	Maklumat perlu diklasifikasi dalam bentuk nilai, keperluan undang-undang, tahap sensitiviti dan kritikalnya kepada MOA.	Pemunya aset
030202	**Pengendalian Maklumat**	
	Pengendalian maklumat dalam sebarang bentuk bergantung kepada klasifikasi maklumat diberikan oleh pemunya aset.	Semua

Dokumen Berkaitan	Sila rujuk kepada topik berikut untuk penyataan dasar yang spesifik: a. Dasar Penggunaan yang Dibenarkan b. Dasar Klasifikasi dan Pengendalian Maklumat c. Dasar Keselamatan Operasi

04: KESELAMATAN SUMBER MANUSIA

Sebelum Diterima Bekerja		
Objektif	Untuk memastikan kakitangan, kontraktor dan pihak ketiga memahami tanggungjawab dan peranan mereka untuk mengurangkan risiko kecurian, penipuan dan salahguna peralatan.	
040101	**Keselamatan di dalam Tanggungjawab Kerja**	
	Peranan dan tanggungjawab keselamatan perlulah didokumenkan sebagai sebahagian dari tanggungjawab kerja.	*Cawangan Pengurusan Sumber Manusia*
040102	**Penyaringan**	
	Semua kakitangan MOA, kontraktor dan pihak ketiga mestilah disaring (untuk tugas sensitif) selari dengan undang-undang dan ketetapan yang digunapakai.	Semua
040103	**Terma dan Syarat Pelantikan**	
	Semua kakitangan MOA, kontraktor dan pihak ketiga mesti mematuhi terma dan syarat kontrak pelantikan yang menyatakan tanggungjawab mereka terhadap keselamatan ICT dan juga terhadap sebarang undang-undang dan ketetapan dari pihak berwajib. Semua kakitangan MOA, kontraktor dan pihak ketiga yang perlu kepada capaian maklumat sensitif, mestilah menandatangani dokumen *Non Disclosure Agreement (NDA)* terlebih dahulu.	Semua

Semasa Bekerja		
Objektif	Untuk memastikan semua kakitangan MOA, kontraktor dan pihak ketiga sedar akan ancaman keselamatan maklumat dan tanggungjawab melindunginya. , Mereka juga akan bertanggungjawab untuk menyokong dasar organisasi di dalam tugas harian bagi mengurangkan risiko kesilapan.	
040201	**Tanggungjawab Pengurusan**	
	Pihak pengurusan perlu memastikan setiap pengguna ICT, pembekal, perunding dan pihak-pihak lain yang berkepentingan memberikan perkhidmatan dan menguruskan keselamatan aset ICT berdasarkan perundangan dan peraturan didalam dasar, polisi, prosedur dan panduan yang telah ditetapkan oleh MOA.	
040202	**Kesedaran Keselamatan ICT, Pendidikan dan Latihan**	
	Semua pengguna ICT perlu diberikan kesedaran keselamatan yang mencukupi dan dimaklumkan mengenai perubahan dasar dan prosedur organisasi yang berkaitan dengan fungsi kerja mereka. ICTSO bertanggungjawab untuk merancang dan mengukur keberkesanan latihan dan juga bahan program keselamatan ICT yang diberikan dengan dibantu oleh Cawangan Pengurusan Sumber Manusia.	ICTSO, *Cawangan Pengurusan Sumber Manusia*
040203	**Tindakan Tatatertib**	
	Tindakan tatatertib yang formal akan dilaksanakan terhadap sesiapa yang melanggar peraturan keselamatan. Rujuk pada Seksyen 2.4 untuk penerangan lanjut.	Lembaga Tatatertib
Penamatan atau Perubahan Tugas		
Objektif	Untuk memastikan kakitangan, kontraktor dan pihak ketiga yang keluar atau	

	ditukarkan dari MOA, diurus dengan teratur.	
040301	**Tindakan Berkaitan Penamatan atau Perubahan Tugas**	
	Dalam keadaan seseorang kakitangan ditukarkan atau diberhentikan tugas dari MOA, Cawangan Pengurusan Sumber Manusia bertanggungjawab untuk memberitahu bahagian yang berkaitan supaya ia dapat memastikan: a. Harta kepunyaan MOA yang dipegang oleh kakitangan tersebut diserahkan kembali sebelum mereka tamat perkhidmatan; b. Akaun capaian komputer dan komunikasi yang digunakan oleh kakitangan tersebut dipotong/digantung; c. Sebarang hak istimewa ditamat/dipotong; d. Semua capaian fizikal/logikal mestilah diputuskan dan ditukar; dan e. Semua maklumat yang berkaitan dengan organisasi dikembalikan kepada MOA sebelum mereka beredar pergi. Semua kontraktor dan pihak ketiga mestilah mengembalikan semua aset MOA yang masih dalam pegangan mereka sebelum perjanjian ditamatkan.	Semua

05: KESELAMATAN FIZIKAL DAN PERSEKITARAN

Secure Areas		
Objektif	Menghalang capaian fizikal tanpa kebenaran, kemusnahan dan ganggu gugat kepada maklumat dan premis organisasi.	
050101	**Perimeter Keselamatan Fizikal**	
	Semua lokasi yang menempatkan aset ICT MOA perlulah dikawal secara fizikal selari dengan kepentingan fungsinya.	Semua
050102	**Kawalan Kemasukan Fizikal**	
	Capaian ke atas *Secure Areas* mestilah di hadkan secara fizikal kepada kakitangan yang dibenarkan sahaja.	Semua
050103	**Pas Kerja / Pas Pelawat**	
	Semua individu perlu memakai Pas Kerja / Pas Pelawat pada pakaian mereka dan ia mestilah boleh dilihat dengan jelas ketika berada di dalam premis MOA.	Semua
050104	**Pengendalian Pelawat dan Pihak Ketiga**	
	Semua pelawat dan pihak ketiga yang memasuki *Secure Areas* perlulah diawasi dan diiringi. Mereka hanya dibenarkan masuk atas urusan rasmi sahaja.	Semua
050105	**Kawalan Persekitaran**	
	Semua cadangan berkaitan premis sama ada untuk memperoleh, menyewa, ubahsuai, pembelian	Semua

	hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan MOA bagi mencegah kerosakan dan gangguan terhadap premis dan aset ICT MOA. Perlindungan fizikal terhadap kerosakan akibat kebakaran, banjir, gempa bumi, letupan, rusuhan awam, dan lain-lain bentuk bencana alam atau buatan manusia mesti dibangun dan digunakan.	
050106	**Pengawasan *Secure Areas***	
	Semua *Secure Areas* perlulah dikunci dan dikawal oleh CCTV pada setiap masa.	BPM
050107	**Kawasan Akses Awam, Penghantaran dan Pemunggahan**	
	Semua akses kepada premis MOA mesti dikawal, dipantau dan diasingkan daripada kemudahan pemprosesan maklumat untuk menghalang capaian yang tidak dibenarkan	MOA
	Keselamatan Peralatan	
Objektif	Menghalang kehilangan, kerosakan atau kecurian ke atas aset, yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti MOA.	
050201	**Kawalan Peralatan**	
	Alatan mestilah ditempatkan dan dilindungi dengan betul untuk mengurangkan risiko ke atas ancaman persekitaran, bahaya dan peluang untuk capaian tanpa kebenaran.	BPM
050202	**Utiliti Sokongan**	
	Peralatan mestilah dilindungi dari kegagalan kuasa elektrik dan sebarang gangguan yang disebabkan oleh kegagalan utiliti sokongan.	BPM

050203	**Keselamatan Pengkabelan**	
	Kabel kuasa dan telekomunikasi yang membawa data atau sebarang maklumat mestilah dilindungi dari pintasan dan kerosakan.	BPM
050204	**Penyelenggaraan Peralatan**	
	Semua alatan mestilah diselenggara secara berkala dan sebarang proses pembaikan hendaklah dilaksanakan oleh pihak yang berkelayakan sahaja.	BPM
050205	**Keselamatan Peralatan di Luar Premis**	
	MOA mestilah memastikan bahawa akses kepada kemudahan pemprosesan maklumat di luar premis dimana data disimpan dikawal dan hanya diberikan kepada kakitangan yang dibenarkan. Peralatan ICT yang dibawa keluar dari premis MOA adalah terdedah kepada pelbagai risiko maka semua dasar, polisi, prosedur dan panduan keselamatan berkaitan yang ditetapkan terpakai keatasnya.	BPM
050206	**Pelupusan Selamat atau Penggunaan Semula Peralatan**	
	Semua peralatan yang mengandungi media storan mestilah diperiksa untuk memastikan sebarang maklumat sensitif dan perisian berlesen telah dimusnahkan sebelum proses pelupusan. Sila rujuk kepada Appendik B: *Media Sanitisation Guideline* dan Arahan Teknologi Maklumat. Barangan seperti katrij inkjet, toner laser mestilah dilupuskan pada persekitaran yang sesuai sepertimana yang disyorkan oleh pihak pembekal.	Semua
050207	**Pelupusan Barangan Milik MOA**	
	Peralatan, maklumat atau perisian hendaklah	Lembaga

	disahkan sebelum dibawa keluar.	Pemeriksa Aset
Dokumen Berkaitan	Sila rujuk kepada topik berikut untuk penyataan dasar yang spesifik: a. Dasar Keselamatan Fizikal	

06: PENGURUSAN KOMUNIKASI DAN OPERASI

Prosedur Operasi dan Tanggungjawab		
Objektif	Memastikan operasi yang betul dan selamat untuk aset ICT MOA.	
060101	**Dokumentasi Prosedur Operasi**	
	Semua prosedur yang berkaitan dengan operasi fungsi komputer mestilah didokumenkan secara lengkap dan dipatuhi perlaksanaannya. Penyelenggaraan secara berkala perlu untuk memastikan operasi ICT MOA ditangani efisien dan konsisten.	BPM
060102	***Change Management***	
	Sistem pengoperasian komputer dan perisian mestilah mengikuti proses *Change Management* yang betul.	BPM
060103	**Pembahagian Tugas**	
	Tugas dan tanggungjawab mestilah dibahagikan untuk mengurangkan risiko salahguna kuasa, salahguna aset atau perubahan tanpa sengaja terhadap aset ICT MOA.	Semua
Penyampaian Perkhidmatan oleh Pihak Ketiga		
Objektif	Memastikan perkhidmatan yang diberi mempunyai tahap keselamatan ICT yang bersesuaian selari dengan kontrak perjanjian.	
060201	**Penyampaian Perkhidmatan**	

	Kawalan keselamatan, takrif perkhidmatan dan tahap kualiti penghantaran perkhidmatan mestilah terdapat dalam semua perjanjian yang berkaitan.	Semua
060202	**Memantau dan Menilai Perkhidmatan Pihak Ketiga**	
	Semua perkhidmatan beserta laporan dan rekod yang diberi oleh pihak ketiga perlulah dipantau dan dinilai.	Semua
060203	**Mengurus Perubahan Skop Perkhidmatan Oleh Pihak Ketiga**	
	Sebarang perubahan skop perkhidmatan yang berikan oleh pihak ketiga mestilah diurus. Ia termasuklah bekalan, perubahan terhadap perkhidmatan sedia ada dan pertambahan perkhidmatan baru. Penilaian risiko perlu dilakukan berdasarkan tahap kritikal sesebuah sistem dan impak yang ada terhadap perubahan ini.	Semua
Perancangan dan Penerimaan Sistem		
Objektif	Meminimakan risiko terhadap kegagalan sistem.	
060301	**Pengurusan Kapasiti**	
	Penggunaan sumber mestilah dipantau dan diperbaiki. Pelan masa hadapan mestilah dibina terhadap keperluan kapasiti untuk memastikan kelancaran prestasi sistem.	BPM
060302	**Penerimaan Sistem**	
	Kriteria penerimaan untuk sistem ICT baru, penambahbaikan, dan versi terkini mestilah ditetapkan. Pemeriksaan yang sesuai mestilah dijalankan semasa pembinaan dan sebelum penerimaan sistem.	Pemunya Sistem

Pengawalan dari Perisian Berisiko *(Malicious Software)*		
Objektif	Melindungi integriti maklumat dan perisian	
060401	**Kawalan Ke Atas Perisian Berisiko**	
	Kawalan berkaitan pengecaman, pencegahan dan pemulihan terhadap perisian berisiko dan program kesedaran terhadap pengguna mestilah dijalankan.	BPM
060402	**Perlindungan dari *Mobile Code***	
	Penggunaan *mobile code* perlu mendapat kebenaran dan konfigurasi *mobile code* perlu dipastikan supaya beroperasi mengikut dasar, polisi, prosedur dan panduan keselamatan ICT MOA	BPM
Backup		
Objektif	Memastikan integriti dan ketersediaan aset ICT	
060501	**Salinan Maklumat *(Information Backup)***	
	Salinan maklumat dan perisian mestilah dilakukan dan diperiksa secara berkala.	BPM
Pengurusan Keselamatan Rangkaian		
Objektif	Memastikan perlindungan ke atas maklumat dan infrastruktur rangkaian	
060601	**Kawalan Rangkaian**	
	Rangkaian MOA mestilah dikendalikan dan diselenggara untuk memastikan ianya dipelihara daripada sebarang ancaman demi memantapkan keselamatan sistem dan aplikasi yang menggunakan rangkaian. Kawalan juga perlu difokuskan ke atas maklumat yang melalui rangkaian tersebut.	BPM

060602	**Keselamatan Perkhidmatan Rangkaian**	
	Ciri-ciri keselamatan, tahap perkhidmatan dan keperluan pengurusan bagi keseluruhan perkhidmatan rangkaian MOA mestilah dikenalpasti dan disertakan ke dalam sebarang perjanjian yang berkaitan dengannya.	BPM
	Pengendalian Media	
Objektif	Menghalang sebarang pendedahan, perubahan, pengalihan dan pemusnahan aset dan gangguan ke atas aktiviti MOA.	
060701	**Pengurusan Media**	
	Semua prosedur dan tahap pengesahan untuk pengurusan media mestilah didokumenkan secara jelas.	BPM
060702	**Pelupusan Media**	
	Media yang mengandungi maklumat sensitif mestilah dihapuskan secara selamat dan betul. Cara-cara tersebut terdapat di Appendik B: *Media Sanitisation Guideline* dan Arahan Teknologi Maklumat.	Semua
060703	**Prosedur Pengendalian Maklumat**	
	Prosedur untuk pengendalian dan penyimpanan maklumat perlu diwujudkan untuk melindungi maklumat milik MOA daripada pendedahan tanpa kebenaran atau penyalahgunaan.	Semua

060704	**Keselamatan Dokumentasi Sistem**	
	Dokumentasi sistem perlu dilindungi dengan kawalan keselamatan yang secukupnya untuk mencegah capaian yang tidak dibenarkan.	BPM
	Pertukaran Maklumat	
Objektif	Mengekalkan keselamatan pertukaran maklumat dan perisian di MOA atau dengan pihak luaran	
060801	**Polisi dan Prosedur Pertukaran Maklumat**	
	Dasar, polisi, prosedur, dan kawalan perlu dibangunkan bertujuan melindungi pertukaran maklumat melalui penggunaan semua jenis kemudahan komunikasi di MOA	Semua
060802	**Perjanjian Pertukaran**	
	Perjanjian mesti diwujudkan untuk pertukaran maklumat (elektronik atau cetakan) dan perisian antara MOA dan pihak luaran bergantung kepada tahap sensitif sesuatu maklumat yang dikendalikan.	Semua
060803	**Media Fizikal semasa transit**	
	Media yang mengandungi maklumat mestilah dikawal dari capaian tanpa kebenaran, salahguna dan binasa semasa proses transit keluar dari premis MOA.	Semua
	Emel	
Objektif	Memastikan maklumat elektronik dan infrastruktur sokongan dikawal dan dilindungi	
060901	**Penggunaan yang dibenarkan**	

	Emel MOA hanya boleh digunakan untuk aktiviti kerja harian. Penggunaan untuk kepentingan peribadi adalah terlarang. Sila rujuk Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet Dan Mel Elektronik Di Agensi-Agensi Kerajaan *dan* Dasar Penggunaan Yang Dibenarkan.	Semua
060902	**Maklumat Umum**	
	Perkara-perkara yang perlu dipatuhi dalam memastikan keselamatan maklumat adalah seperti berikut : a. Memastikan perisian, data dan maklumat dilindungi dengan mekanisme yang bersesuaian; b. Memastikan sistem yang boleh di akses oleh orang awam di uji terlebih dahulu; dan b. Melindungi integriti maklumat yang diberikan pada orang awam daripada pengubahsuaian yang tidak dibenarkan dan penyalahgunaan.	Semua
	Pemantauan	
Objektif	Mengesan sebarang aktiviti pemprosesan maklumat tanpa kebenaran	
061001	**Pemantauan Sistem Yang Digunakan**	
	Penggunaan aset ICT mestilah dipantau untuk mengesan sebarang aktiviti tanpa kebenaran dan memastikan pengguna hanya melaksanakan fungsi yang dibenarkan sahaja.	BPM
061002	**Penyimpanan Log**	
	Log mestilah dihasilkan dan disimpan berdasarkan tempoh yang terkandung di dalam ***Arahan Teknologi Maklumat*** dan Akta Arkib Negara 2003. Ini akan digunakan untuk membantu proses siasatan dan pemantauan kawalan capaian pada masa	BPM

	hadapan. Kemudahan penyimpanan log dan maklumatnya mestilah dikawal dari sebarang capaian tanpa kebenaran. Sebarang ralat yang dilaporkan oleh pengguna atau sistem perlulah disimpan. Log yang disimpan itu mestilah dianalisa untuk membenarkan proses tindakan susulan boleh dilaksanakan.	
061003	**Penyamaan Masa *(Clock Synchronization)***	
	Masa yang berkaitan dengan sistem ICT MOA mestilah disamakan dengan punca masa yang tepat. Ini untuk memastikan ketepatan masa log yang disimpan dan mengawal integriti log tersebut untuk kegunaan masa hadapan.	BPM
Dokumen Berkaitan	Sila rujuk kepada topik berikut untuk penyataan dasar yang spesifik: a. Dasar Penggunaan Yang Dibenarkan b. Dasar Keselamatan Rangkaian c. Dasar Keselamatan Operasi d. Dasar Keselamatan Fizikal e. Dasar Keselamatan Sistem	

07: KAWALAN CAPAIAN

Pengurusan Capaian Pengguna		
Objektif	Memastikan capaian pengguna yang dibenarkan dan untuk menghalang capaian tanpa kebenaran ke atas aset ICT.	
070101	**Dasar Kawalan Capaian**	
	Bertujuan mengawal capaian ke atas maklumat, kemudahan-kemudahan proses maklumat, dan proses perkhidmatan berdasarkan keperluan perkhidmatan dan keperluan keselamatan. Peraturan kawalan capaian hendaklah mengambil kira penyebaran dan pengesahan maklumat. Peraturan kawalan capaian hendaklah diwujudkan, didokumenkan dan dikaji semula berasaskan keperluan perkhidmatan dan keselamatan. Perkara-perkara yang perlu dipastikan termasuk seperti berikut:- a. Kawalan capaian ke atas maklumat dan proses perkhidmatan mengikut keperluan keselamatan dan peranan pengguna; b. Kawalan capaian ke atas perkhidmatan rangkaian dalaman dan luaran; c. Keselamatan maklumat yang dicapai menggunakan kemudahan atau peralatan mudah alih; dan d. Kawalan ke atas kemudahan pemprosesan maklumat.	Semua

070102	**Pendaftaran / Nyah Daftar Pengguna**	
	Satu prosedur formal berkaitan pendaftaran/nyahdaftar mestilah diwujudkan untuk memberi atau mengambil kembali capaian ke atas segala sistem dan perkhidmatan ICT MOA.	BPM
070103	**Pengurusan Keistimewaan *(Privilege Management)***	
	Pemberian hak keistimewaan kepada semua pengguna perlulah dihadkan dan dikawal.	BPM
070104	**Pengurusan Kata Laluan Pengguna**	
	Pemberian kata laluan mestilah dikawal melalui proses pengurusan yang rasmi dan merujuk kepada Polisi Katalaluan.	BPM
070105	**Semakan Hak Capaian Pengguna**	
	Penetapan dan penggunaan ke atas hak capaian perlu diberi kawalan dan penyeliaan yang ketat berdasarkan keperluan skop tugas.	BPM
	Tanggungjawab Pengguna	
Objektif	Menghalang capaian tanpa kebenaran oleh pengguna dan kecurian atas maklumat dan aset ICT MOA.	
070201	**Penggunaan Kata Laluan**	
	Setiap pengguna ICT bertanggungjawab ke atas penggunaan dan pengawalan kata laluan yang mereka gunakan.	Semua
070202	**Peralatan Pengguna yang Tidak Diawasi *(Unattended)***	
	Pengguna mestilah memastikan peralatan yang	Semua

	berada dalam jagaan mereka dilindungi secukupnya.	
070203	***Clear Desk* dan *Clear Screen***	
	Maklumat berbentuk cetakan yang sensitif dan kritikal perlulah disimpan dengan betul bila tidak digunakan. Komputer perlulah dikunci dengan kata laluan ataupun keluar dari sistem bila dibiarkan tanpa pengawasan.	Semua
Kawalan Capaian Rangkaian		
Objektif	Menghalang capaian tanpa kebenaran ke atas perkhidmatan rangkaian	
070301	**Penggunaan Perkhidmatan Rangkaian**	
	Pengguna ICT mesti diberikan capaian kepada perkhidmatan yang dibenarkan sahaja.	Semua
070302	**Pengesahan Pengguna untuk Sambungan Luaran *(External Connection)***	
	Cara pengesahan yang betul mestilah digunakan untuk mengawal capaian oleh pengguna jarak jauh *(remote user)*.	BPM
070303	**Pengenalan Peralatan Dalam Rangkaian**	
